

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [ LEMBAH PANTAI ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jumlah unit PPR/PA yang disewa berbanding jumlah keseluruhan, jumlah permohonan rumah PPR/PA setakat ini, dan apakah langkah Kementerian untuk membantu lebih ramai warga miskin kota menyewa rumah PPR/PA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Lembah Pantai, jumlah unit PPR/PA yang telah disewakan adalah sebanyak 35,507 unit sehingga 15 Oktober 2020. Manakala jumlah permohonan yang berdaftar dan masih aktif dalam Sistem ePerumahan sehingga 15 Oktober 2020 adalah sebanyak 37,054 pemohon.

Bilangan permohonan yang telah lulus namun masih belum ditawarkan unit adalah sebanyak 1,116 orang dan ianya tertakluk kepada semakan pemilikan harta dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan juga kekosongan unit yang telah sedia untuk ditawarkan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa memberi keutamaan kepada warga miskin yang amat memerlukan bantuan rumah sewa tetapi ianya tertakluk kepada jumlah kekosongan unit yang amat terhad dan sentiasa berubah dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.